



Laporan
SIPWANIS

SIDANG WANITA NEGERI SELANGOR 2023

www.wbselangor.com.my

ISI KANDUNGAN

PROFIL PENGANJUR	2
PRA KATA YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR	4
PRA KATA Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor	7
Pengenalan dan Objektif	8
PERJALANAN PROGRAM	9
MAJLIS PELANCARAN	10
BENGKEL SIRI 1	12
▶ SESI 1 : Forum - Mengapa Peranan Wanita Penting dalam Pembuatan Dasar?	12
▶ SESI 2 : Prosedur dan Protokol Dewan Undangan Negeri	18
▶ SESI 3 : Bengkel Memahami Dasar dan Isu-Isu Semasa Menerusi Lensa Gender	20
▶ SESI 4 : Bengkel Pembuatan Undang-Undang di DUN dan Pengukuhan Reformasi Institusi	23
BENGKEL SIRI 2	27
▶ SESI 1 : Perkongsian Simulasi Pertanyaan Jawab Lisan dan Perbahasan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri	28
▶ SESI 2 : Perbincangan Topik Perbahasan dan Usul	30
▶ SESI 3 : Pelantikan sebagai ADUN, Blok Kerajaan atau Pembangkang, Exco Wanita dan Menteri Besar	31
▶ SESI 4 : Simulasi Perbahasan Usul	32
▶ SESI 5 : Taklimat Akhir: Persiapan menuju SIWANIS	32
KEMUNCAK SIWANIS	35
▶ PERBAHASAN USUL 1 : Akses Pendidikan Kepada Anak-Anak Tanpa Kewarganegaraan	36
▶ PERBAHASAN USUL 2 : Minimum 30 Peratus Kuota Wanita di Semua Peringkat Pembuatan Keputusan	44
PENUTUP	50
PROFIL PERWAKILAN	52
STATISTIK PERWAKILAN	58
CARTA TEMPAT DUDUK PERWAKILAN	60
JAWATANKUASA & SEKRETARIAT SIWANIS 2023	61

PROFIL PENGANJUR

Wanita Berdaya Selangor (WBS)

Wanita Berdaya Selangor (WBS) telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor untuk mendayaupaya wanita menerusi tiga (3) teras utama iaitu Pembangunan Dasar & Polisi, Pemberdayaan Wanita dan Pembinaan Kepimpinan. Misi WBS adalah untuk menjadi peneraju pemberdayaan wanita terkemuka di Asia dalam sektor kepimpinan, ekonomi dan sosial.



WBS juga merupakan anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) dan bertindak sebagai badan pelaksana program-program pemberdayaan wanita dan keluarga di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga Negeri Selangor.


Institute for Research & Development (IRDP)

Institute for Research & Development of Policy (IRDP) ialah sebuah badan pemikir (*think tank*) yang ditubuhkan untuk menjalankan kajian, advokasi dan pembangunan polisi awam. Visi utama IRDP adalah untuk Malaysia menjadi negara sejahtera, makmur dan demokratik dimana kerajaan bekerjasama bersama orang awam untuk kebaikan bersama. Misi kami di IRDP adalah untuk meningkatkan akauntabiliti, ekuiti dan kemampunan di Malaysia melalui program penyelidikan dan advokasi yang menggalakkan:

- ▶ Demokrasi yang bertanggungjawab;
- ▶ Polisi awam yang inklusif; dan
- ▶ Pembangunan yang mampan.



Kerja penyelidikan dan nasihat IRDP dijalankan melalui penglibatan dengan pihak berkepentingan peringkat tinggi, daripada pemegang jawatan awam, ahli politik dari semua bahagian, ahli akademik, sektor swasta dan orang ramai. Sejak penubuhan IRDP pada 2019, IRDP telah terlibat secara aktif dengan Ahli Parlimen untuk membantu mereka dalam menyediakan perbincangan harian mereka di Dewan Rakyat termasuk analisis belanjawan serta pembentangan isu-isu nasional dan prospek ekonomi. Selain itu, IRDP juga giat melakukan advokasi dasar kepada orang awam terutamanya anak muda dalam proses pembuatan dasar melalui sesi dialog dan program kapasiti.



Peneraju kepada usaha pendayaupayaan wanita dan masyarakat yang diiktiraf serta terkemuka dalam sektor; **Kepimpinan, Pendidikan, Kekeluargaan, Ekonomi, Kesihatan dan Sosial.**

PRA KATA YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

**YAB Dato' Seri
Amirudin bin Shari**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

Salam Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, Sidang Wanita Negeri Selangor 2023 (SIWANIS) yang julung kali diadakan di negeri Selangor ini dapat jua direalisasikan.

Sejajar dengan matlamat ke-4 Dasar Wanita Selangor, iaitu mempercepatkan penyertaan, perwakilan dan pembuatan dalam kehidupan awam dan politik dalam kalangan wanita, usaha untuk melahirkan lebih ramai pemimpin wanita yang kompeten perlu lebih dipergiat. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor meneruskan usaha untuk memperteguh agenda memartabatkan kepimpinan wanita dengan penganjuran Sidang Wanita Negeri Selangor ini. Kerajaan Negeri juga sentiasa komited dalam memberdayakan wanita melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga dengan menubuhkan Wanita Berdaya Selangor (WBS) bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor untuk mendayaupayakan wanita menerusi tiga (3) teras utama, iaitu Pembangunan Polisi, Pemberdayaan Wanita dan Pembinaan Kepimpinan. Pelbagai program dan gerak kerja telah dirangka dan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi bagi memastikan hal ehwal pembangunan wanita



itu terus diangkat dan dimartabatkan, termasuklah penganjuran SIWANIS ini.

Usaha Kerajaan Negeri untuk terus menyokong agenda pemerkasaan wanita ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan perwakilan wanita dalam politik dan sebagai pembuat keputusan dan penentu dasar penting. Saya yakin bahawa 55 perwakilan SIWANIS ini telah pun bersedia sekiranya ditawarkan bertanding dalam pilihan raya akan datang menjadi wakil parti dalam arena politik yang sebenar. Siapa tahu melalui pendedahan sebenar dan pembangunan kapasiti sebegini, suatu hari nanti Selangor menjadi negeri pertama yang

akan melantik Menteri Besar wanita pertama di Malaysia! Kita juga berharap peningkatan penglibatan wanita bukan sahaja dalam arena politik, tetapi juga sebagai pemimpin dalam komuniti, korporat, jabatan dan setiap peringkat organisasi.

Sidang Wanita Negeri Selangor ini perlu diteruskan dan menjadi program tahunan sebagai platform melahirkan lebih ramai pemimpin wanita yang berkaliber dan berkualiti sekali gus menterjemahkan cita-cita dan hasrat murni kerajaan Negeri dalam menyokong dan mendukung usaha memenuhi keperluan minimum 30 peratus perwakilan wanita dalam pembuatan keputusan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada YB Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa

Tetap Pembangunan Wanita & Keluarga merangkap Pengerusi Wanita Berdaya Selangor (WBS) atas inisiatif menyediakan platform membina kepimpinan wanita melalui simulasi Sidang Wanita Negeri Selangor (SIWANIS) ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Wanita Berdaya Selangor (WBS) dan Institute for Research and Development of Policy (IRDP) selaku agensi pengelola, serta semua pihak terlibat yang telah bertungkus lumus menjayakan sidang ini dalam usaha melahirkan barisan pemimpin wanita yang berkaliber. Syabas dan tahniah buat para perwakilan SIWANIS atas kesungguhan anda semua yang begitu komited meningkatkan pengetahuan dan kapasiti kepimpinan bagi menyahut seruan mencapai minimum 30 peratus perwakilan wanita sebagai pembuat dasar dan keputusan.



Usaha Kerajaan Negeri untuk terus menyokong agenda pemerkasaan wanita ini diharapkan dapat menyumbang kepada **peningkatan perwakilan wanita dalam politik dan sebagai pembuat keputusan dan penentu dasar penting.**

- YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari
YAB Dato' Menteri Besar Selangor

SIDANG WANITA SELANGOR

"SIWANIS adalah 30 Peratus
Wanita"

“SIWANIS merupakan strategi serampang dua mata dalam usaha **memberdaya wanita dan mencapai 30 peratus kuota perwakilan wanita sebagai pembuat dasar** selaras dengan Matlamat 4 Dasar Wanita Selangor.

- YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud

*Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan
Wanita & Keluarga Negeri Selangor*

PRA KATA Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor

YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud

Sidang Wanita Negeri Selangor 2023 (SIWANIS) dengan tema “SIWANIS: Ke Arah 30 Peratus Perwakilan Wanita” merupakan yang julung kali diadakan di negeri Selangor.

Jika dilihat di Malaysia dan di Selangor secara khusus, nisbah penduduk mengikut jantina adalah sama antara lelaki dan wanita. Malangnya, wanita di negara ini masih berhadapan dengan jurang gender, iaitu ketidakseimbangan perwakilan dalam arena politik dan peringkat pembuat keputusan. Kita gerun melihat prestasi corot sub-indeks penguasaan politik dalam Skor Indeks Jurang Gender Malaysia 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, iaitu skor sebanyak 0.10 atau 10 peratus berbanding 3 sub-indeks yang lain.

Cabaran ini turut diterjemahkan menerusi keputusan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Selangor pada tahun 2018. Kita menyaksikan daripada 56 Ahli Dewan Negeri Selangor, hanya 13 ahli atau 23.21 peratus adalah perwakilan wanita manakala hanya dua wakil wanita yang dilantik dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan

Negeri / Exco dengan peratusan 18.18 daripada 11 perwakilan. Kurangnya bilangan wanita dalam badan legislatif dan eksekutif menyebabkan isu wanita dan dasar yang berkaitan kurang diketengahkan.

Meskipun ini merupakan perjuangan yang panjang, tetapi kita harus konsisten menyusun strategi dan berkolaboratif dalam menghadapi cabaran ini. Dalam pada kita melihat angka dan kuantiti, kita juga perlu menitik berat soal kualiti. Kita perlu berusaha mencetak dan melahirkan lebih ramai pemimpin wanita yang ada kompetensi. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor menerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor julung kalinya pada tahun ini melaksanakan Sidang Wanita Negeri Selangor (SIWANIS).

SIWANIS merupakan strategi serampang dua mata dalam usaha memberdayakan wanita dan mencapai 30 peratus kuota perwakilan wanita sebagai pembuat dasar selaras dengan Matlamat 4 Dasar Wanita Selangor. Selain itu, SIWANIS merupakan program simulasi Sidang Dewan Negeri Selangor yang bertujuan untuk mengumpulkan wanita dalam satu platform bagi mengasah keupayaan serta mencungkil bakat kepimpinan terutamanya di peringkat pembuatan keputusan.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua peserta SIWANIS atas komitmen anda. Penghargaan juga saya berikan kepada kakitangan Wanita Berdaya Selangor (WBS) dan Institute for Research and Development of Policy (IRDP) yang bertungkus lumus melaksanakan program ini. Mereka inilah pemikir dan pelaksana di sebalik pelaksanaan program SIWANIS 2023.

PENGENALAN

Sidang Wanita Selangor 2023 atau SIWANIS yang julung kali diadakan di negeri Selangor merupakan program simulasi Sidang Dewan Negeri Selangor anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan kerjasama Institute for Research and Development of Policy (IRDP).

Program SIWANIS diadakan bertujuan mengumpulkan wanita dalam satu platform bagi mengasah keupayaan serta mencungkil bakat kepimpinan terutamanya di peringkat pembuatan keputusan selaras dengan aspirasi Matlamat 4 Dasar Wanita Selangor, iaitu mempercepat penyertaan, perwakilan dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik dalam kalangan wanita.

Seramai 56 peserta telah terpilih dan diangkat sebagai perwakilan SIWANIS. Perwakilan juga menjalani dua siri bengkel persediaan dengan modul pembinaan kapasiti termasuk pendedahan memahami isu-isu dasar menerusi lensa gender dan tadbir urus. Perwakilan juga didedahkan dengan proses Sidang Dewan Negeri serta peranan dan fungsi sebenar sebagai Ahli DUN.


Sidang Kemuncak SIWANIS yang telah dilaksanakan pada 12 Mac 2023 yang lalu memberikan ruang kepada para perwakilan membahaskan dua usul utama, iaitu Akses Pendidikan Kepada Anak-Anak Tanpa Kewarganegaraan dan Minimum 30 Peratus Kuota Wanita di Semua Peringkat Pembuatan Keputusan.

OBJEKTIF

- ▶ Platform pendedahan kepada bakal pemimpin wanita di Selangor tentang isu dan dasar serta tadbir urus yang baik ke arah kesaksamaan gender seiring dengan pembangunan negeri Selangor yang Inklusif, Adil dan Saksama.
- ▶ Bagi berkongsi pemahaman dan pembangunan kapasiti kepimpinan ke arah 30 peratus kuota perwakilan wanita sebagai pembuat keputusan dan dasar.
- ▶ Untuk meningkatkan keupayaan dan jaringan kepimpinan dalam kalangan wanita di Selangor.




PERJALANAN PROGRAM



MAJLIS PELANCARAN DAN BENGKEL SIRI 1 SIDANG WANITA SELANGOR (SIWANIS) 2023





Wanita Berdaya Selangor dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Pembangunan Dasar (IRDP) telah melancarkan Sidang Wanita Selangor 2023 sekali gus menganjurkan Bengkel Siri 1 SIWANIS 2023 pada 25 hingga 26 Februari 2023 bertempat di Geno Hotel, Subang Jaya. Program ini telah dilancarkan oleh YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor sebagai satu langkah ke hadapan bagi memperkasakan dan mendedahkan para wanita tentang proses pembuatan dasar melalui kaedah simulasi yang julung kali dilaksanakan di negeri Selangor.

Majlis Pelancaran dan Bengkel Siri 1 Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2023 menjadi satu titik permulaan kepada perjalanan pembelajaran dan pemerkasaan para perwakilan SIWANIS 2023 seusai melepasi fasa temu duga dan saringan sebelum terpilih sebagai 56 perwakilan Sidang Wanita Selangor 2023. Bengkel Siri 1 memberikan fokus tentang pendedahan sebagai wakil rakyat dari sudut bidang kuasa, tugas-tugas hakiki dan solusi untuk menyelesaikan sesuatu isu. Bengkel ini mengandungi 4 sesi selama dua hari termasuk sesi latihan, forum dan sesi perkongsian. Bagi mengisi setiap sesi, pakar-pakar dan individu yang berpengalaman telah dijemput untuk mengendalikan sesi mengikut kepakaran masing-masing. Secara umumnya, Majlis Pelancaran dan Bengkel Siri 1 Sidang Wanita Selangor 2023 mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada 56 perwakilan yang terpilih melalui kehadiran untuk setiap sesi dan partisipasi secara terus semasa program dijalankan.

SESI 1

Forum - Mengapa Peranan Wanita Penting dalam Pembuatan Dasar?

Bagi memastikan para perwakilan bersedia untuk menjalani proses latihan dan pendedahan, mereka perlu lebih cakna tentang idea mengapa program seperti ini ditubuhkan dan isu-isu apa yang sepatutnya diketengahkan oleh para perwakilan. Oleh itu, program ini telah dimulakan dengan forum yang bertajuk “Mengapa Peranan Wanita Penting dalam Pembuatan Dasar?”. Forum ini dikendalikan oleh Puan Siti Faridah Binti Abdul Samad, Setiausaha Kanan, YB Dr. Siti Mariah, Pejabat Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Wanita dan Keluarga yang berperanan menjadi moderator untuk forum ini. Para panelis yang ternama serta berpengalaman dalam memperjuangkan isu-isu dan hak wanita turut dijemput seperti Puan Kasthuriraani Patto, Mantan Ahli Parlimen Batu Kawan, Prof. Madya Dr. Sharifah Syahirah S. Shikh, Pensyarah Kanan Sains Politik, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) dan Puan Tehmina Kaoosji, Konsultan Komunikasi Strategik dan Aktivistik Kesaksamaan Gender.

Walaupun sesi forum ini dilakukan secara hibrid di mana Puan Kasthuri Patto hanya dapat hadir melalui atas talian, namun ianya tidak menghalang mana-mana panel untuk memberikan input yang memberangsangkan dalam perbincangan topik ini. Forum ini dimulakan dengan pengenalan diri daripada moderator sendiri lalu terus kepada ahli-ahli panel forum. Seterusnya, moderator forum menjelaskan kepada semua individu yang hadir tentang Dasar Wanita Selangor merangkumi tujuan, objektif dan pelan dalam jangka masa yang pendek serta panjang. Situasi di dalam dewan agak menarik kerana reaksi yang ditunjukkan oleh para perwakilan menunjukkan bahawa mereka masih kurang pengetahuan tentang Dasar Wanita Selangor. Ini membuktikan masih ramai lagi rakyat khususnya golongan wanita sendiri kurang pendedahan berkenaan polisi atau dasar yang melindungi dan memperkasakan wanita di peringkat negeri dan persekutuan.

Untuk pusingan pertama, moderator mengutarakan soalan pembukaan kepada para panel iaitu “*Apakah kepentingan wanita terlibat sebagai pembuat dasar dan penggubal undang-undang mengambil kira konteks sosial, politik dan ekonomi di Malaysia serta di manakah kita sekarang menuju ke arah 30% kuota perwakilan wanita dalam pembuatan keputusan?*”. Prof. Madya Dr. Sharifah

Syahirah S. Shikh berpandangan bahawa golongan wanita mampu mengukuhkan kuasa wanita dalam sistem demokrasi bagi menghadapi isu-isu anak muda, penjagaan kanak-kanak, peka berkenaan *care economy* dan memampankan kesejahteraan rakyat. Puan Tehmina Kaoosji pula berpandangan tentang keperluan untuk meningkatkan lebih ramai lagi sasaran representasi wanita bukan sahaja dalam bidang politik, termasuk juga bidang-bidang lain. Sasaran representasi wanita juga bukan hanya perlu diletakkan pada 30% namun boleh ditingkatkan juga kepada 50% partisipasi wanita dalam proses pembuatan dasar dan keputusan. Tambahan lagi, dalam konteks

dimanakah arah menuju 30% kuota perwakilan wanita dalam pembuatan keputusan, Puan Kasthuri Patto berpendirian bahawa banyak parti politik mencalonkan calon wanita dan mengetengahkan anjakan yang berlaku dalam pencalonan, namun masih tidak ramai lagi yang dapat menjadi perwakilan dalam sistem legislatif. Persoalannya, apakah punca utama yang menghalang representasi wanita dalam pembuatan dasar atau keputusan?



“Masalah *underrepresentation* wanita di Malaysia telah membawa kepada masalah kewangan, masalah seksisme.”

- **Tehmina Kaoosji**



Persoalan tersebut membawa kepada satu sisi di mana moderator mengetengahkan isu berkenaan halangan wanita untuk ke hadapan dan isu *double burden*. Umum mengetahui bahawa wanita sering dibelenggu dengan tanggungjawab domestik yang menyebabkan timbulnya isu *double burden* dalam kalangan wanita yang berkerjaya. Ada yang berpendapat bahawa penglibatan wanita dalam politik atau proses pembuatan dasar menjadi satu tentangan naratif tentang fitrah wanita yang mengatakan wanita hanya perlu berada dalam lingkungan dan tugas domestik. Puan Tehmina Kaoosji berpendapat bahawa wanita lebih daripada berdaya dan mampu untuk menggalas tanggungjawab besar sepertimana yang dapat dilihat melalui contoh pengurusan pandemik seperti negara New Zealand (Jacinda Ardern) yang berjaya mengawal kadar kematian yang rendah. Pertikaian terhadap keupayaan wanita

dalam memegang jawatan dan kuasa yang besar juga menimbulkan isu seksisme dan *gender bias* yang sering kali boleh dilihat di laman sosial mahupun di parlimen. Menurut Puan Kasthuri Patto, antara cara untuk mengurangkan isu ini adalah dengan mengenakan denda atau hukuman yang tinggi kepada pesalah gender dan setiap kementerian dalam kerajaan perlu diberikan bajet yang responsif terhadap gender lebih-lebih lagi kepada golongan wanita.

Dalam hal ini, sudut tentang partisipasi wanita jangan hanya dilihat kepada ruang politik, namun penglibatan wanita dalam sektor korporat, pendidikan dan media. Soalan untuk pusingan ketiga ini dapat membawa topik ini ke arah lebih umum dan inklusif. Para panel sebulat suara percaya bahawa perlunya diskusi dan tekanan di peringkat dasar dan di peringkat komuniti tidak kira dari aspek politik, korporat atau apa sahaja dalam menyokong perjuangan wanita memperjuangkan hak-hak dan isu yang kurang diketengahkan oleh pihak yang berkenaan. Puan Kasthuri Patto juga menekankan tentang pengenalan sistem kuota bagi memperbanyakkan wanita tidak kira dalam parti politik, organisasi awam atau swasta, persatuan dan lain-lain. Isu berkaitan *maternity leave* juga disentuh oleh Puan Tehmina Kaoosji dimana beliau percaya pembangunan kanak-kanak dan ruang kepada ibu dapat dioptimalkan jika *maternity leave* secara terancang dapat dikuatkuasakan. Prof. Madya Dr. Sharifah Syahirah S. Shikh beranggapan bahawa wanita sebenarnya layak untuk memegang jawatan-jawatan yang tinggi kerana menurut beliau 56% pensyarah wanita mempunyai pendidikan bertaraf PhD,

“*Stereotype dan false narrative tentang wanita masih kukuh dalam kalangan masyarakat*”.

- Prof. Madya Dr. Sharifah Syahirah S. Shikh

namun ramai pensyarah wanita diangkat ke jawatan yang lebih tinggi di dalam institusi pendidikan.

Diskusi ini berjaya merangsang para perwakilan untuk tampil ke hadapan dan bertanya kepada para panel bagi menjawab persoalan yang berlegar-legar di fikiran mereka. Salah seorang perwakilan bernama Puan Lilitha A/P Govindasamy bertanyakan tentang “Walaupun gangguan seksual sering kali berlaku dalam kehidupan seharian, namun bagaimana seseorang individu tersebut dapat menyuarakan isu tersebut ke pihak atasan tanpa takut suara mereka tidak didengari?”. Para panel menekankan tentang kepentingan sokongan CSE dalam memperjuangkan hak wanita dan sering melakukan tekanan kepada pembuat dasar secara kolektif. Selain itu, kesedaran dan pendedahan terhadap kanak-kanak dalam mengembangkan hubungan *interpersonal* dan keyakinan diri juga dapat memberikan impak yang besar kepada perlindungan wanita dan kanak-kanak. Tambahan lagi, Puan Hannah Zaihal juga sempat bertanya kepada Puan Kasthuri Patto tentang apakah faktor dan bagaimana wanita ingin menembusi amalan patriarki? Antara sebabnya ialah parti tidak ingin mengambil risiko dalam memperkenalkan muka baharu supaya mereka dapat mengekalkan hegemoni kuasa. Tuntasnya, golongan wanita juga perlu memainkan peranan mereka untuk memperjuangkan *gender balance* dalam parti politik.

Secara keseluruhannya, forum ini dapat membuka mata para perwakilan bahawasanya isu wanita di negara ini khususnya di negeri Selangor masih banyak lompong-lompong yang tidak diselesaikan oleh pembuat dasar. Begitu juga dengan ruang untuk para wanita menekan isu-isu ini



tidak kira melalui apa sahaja jenis platform berdasarkan cadangan dan perkongsian oleh para panel. Jelas sekali bahawa wacana seperti ini tidak boleh dihentikan atau dilakukan dalam kadar yang minimum, namun wadah perbincangan ini haruslah sering kali ditekankan dan disebar kepada lebih ramai penonton supaya semua rakyat tidak kira bangsa, agama, jantina dan latar belakang dapat menyedari kepentingan memperjuangkan hak golongan wanita. Melalui program seperti ini, para perwakilan bukan sahaja dapat bertemu mata sesama mereka namun dapat menyuarakan hasrat dan pendirian mereka secara tidak langsung dapat didengari oleh ramai pemegang taruh.

NIS: Ke Arah 30 Peratus Pe
EBRARI 2023, GENO H



St. Manik
25/2/23

MBS MBI IRDP

SIWANIS 2023

SIDANG WANITA SELANGOR

"SIWANIS: Ke Arah 30 Peratus Perwakilan Wanita"

www.wbselangor.com.my

LinkedIn Facebook Twitter YouTube Instagram



Majlis Pelancaran Sidang Wanita Selangor 2023 oleh YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor

YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor telah merasmikan Sidang Wanita Selangor diiringi oleh Puan Rawiyah binti Zakaria selaku Ahli Lembaga Pengarah Wanita Berdaya Selangor, Prof. Madya Dr. Sharifah Syahirah S. Shikh, Pensyarah Kanan Sains Politik, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM), Puan Siti Faridah Binti Abdul Samad, Setiausaha Kanan, YB Dr Siti Mariah, Pejabat Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Wanita dan Keluarga dan Puan Tehmina Kaoosji, Konsultan Komunikasi Strategik dan Aktivis Kesaksamaan Gender.

Majlis pelancaran ini dimulakan dengan amanat pembukaan oleh YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud yang menyahut para perwakilan dan seluruh wanita di Malaysia khususnya di negeri Selangor untuk berganding bahu berjuang melindungi hak asasi kaum wanita, memperkasakan keupayaan wanita tidak kira di mana-mana dan sentiasa mengambil peluang untuk tampil kehadapan sebagai individu yang boleh memberikan impak kepada kaum, agama dan bangsa. Majlis pelancaran ini juga dimeriahkan dengan gimik pelancaran sebagai satu simbol menunjukkan program pemerkasaan wanita yang julung kali dilaksanakan di negeri Selangor. Sebagai satu gambaran kejayaan, majlis pelancaran ini telah mendapat perhatian oleh pengamal media di sekitar negeri Selangor dan disokong oleh ramai wanita yang bukan menjadi para perwakilan termasuk wakil rakyat dan golongan profesional.



BENGGKEL SIRI 1

SESI 2

Prosedur dan Protokol Dewan Negeri Selangor

Sesi petang atau sesi kedua diteruskan sebagai satu langkah awal memberikan penjelasan asas kepada para perwakilan untuk mengetahui prosedur dan protokol Dewan Negeri Selangor sebelum meneruskan ke latihan simulasi pada Bengkel Siri 2. Topik Prosedur dan Protokol Dewan Negeri Selangor ini dibentangkan oleh Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar selaku Setiausaha Bahagian Pejabat Dewan Negeri Selangor. Tujuan latihan ini diberikan kepada para perwakilan adalah untuk memastikan mereka memahami peraturan dan segala larangan yang perlu dielakkan sebagai seorang wakil rakyat sepanjang sesi Dewan Negeri Selangor dijalankan.

Sudah semestinya masih ramai lagi perwakilan yang hadir tidak mengetahui peraturan yang perlu dipatuhi oleh wakil rakyat. Oleh yang demikian, Puan Gayathri memulakan pembentangan dengan memberi kefahaman tentang sistem perundangan di negeri Selangor. Beliau menerangkan bahawa badan perundangan negeri hendaklah terdiri daripada Duli Yang Maha Mulia dan Dewan yang dikenali sebagai Dewan Negeri (dalam Bahasa Inggeris, “*Legislative Assembly*”). Tambahan lagi, Dewan Negeri hendaklah terdiri daripada bilangan ahli yang dipilih dan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Badan Perundangan. Puan Gayathri juga menekankan bahawa tiap-tiap warganegara yang berumur lapan belas tahun atau lebih yang bermastautin di negeri ini adalah layak menjadi ahli Dewan Negeri, melainkan jika individu hilang kelayakan untuk menjadi ahli menurut Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau mana-mana undang-undang sebagaimana yang disebutkan dalam perkara perlembagaan.

Prosedur Dewan Negeri Selangor tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini. Dewan Negeri hendaklah mengawal selia prosedurnya sendiri dan boleh dari semasa ke semasa membuat, meminda dan membatalkan Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi pengawalseliaan dan perjalanan teratur prosiding dan perjalanan urusannya sendiri. Namun begitu, ramai para perwakilan masih kurang tahu bahawasanya ahli yang tidak hadir dalam Dewan tidak boleh dibenarkan mengundi dan Dewan mempunyai keistimewaan tersendiri yang disebut dalam perlembagaan. Antara perkara penting yang masih belum diketahui ialah Dewan Undangan Negeri Selangor

telah dipinda nama pada tahun 2009 menjadi Dewan Negeri Selangor.

Faktanya, ketika ini negeri Selangor mempunyai 56 ahli Dewan Negeri merangkumi 44 ahli kerajaan dan 11 ahli pembangkang. Untuk komposisi wanita, Dewan Negeri Selangor mempunyai 13 ahli Dewan Negeri wanita daripada pelbagai kelas umur yang berbeza. Puan Gayathri juga menerangkan sejarah penubuhan Dewan Negeri Selangor yang dirasmikan pada 7 Disember 1978 serentak penetapan Shah Alam sebagai ibu negeri Selangor. Selain itu, beliau turut menerangkan tentang cokmar dan gavel, insignia negeri Selangor dan fungsi-fungsi utama seperti fungsi bahas titah diraja, proses pemilihan speaker, pembentangan usul, istiadat angkat sumpah dan lain-lain. Seterusnya, Puan Gayathri mula menjelaskan bagaimana proses untuk sesuatu usul diluluskan melalui proses-proses seperti mesyuarat pertama dan mesyuarat ketiga. Tidak lupa juga topik berkenaan fungsi Jawatankuasa Pilihan Khas dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Hal ini membawa pembentangan kepada penjelasan tentang perkara-perkara yang terkandung dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti Perkara 10A (Siaran Langsung) setiap sesi sidang perlu disiarkan secara langsung melalui televisyen atau laman sesawang.

Sesi kedua ini diakhiri dengan sesi soal jawab daripada perwakilan bagi menjelaskan lagi tanda tanya yang bermain di fikiran para perwakilan. Antaranya Puan Juliana binti Abu Bakar bertanya “Jika Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri mempunyai kecemasan secara tiba-tiba, adakah beliau

akan dibenarkan untuk keluar ketika Sidang Dewan sedang berlangsung?”. Puan Gayathri mengatakan bahawa Yang Berhormat dibenarkan untuk keluar daripada Sidang Dewan tetapi harus memaklumkan kepada urus setia. Selain itu, Puan Sally Sarena binti A.Samad bertanya, *Prime Minister Question Time* hanya berlangsung di Parlimen atau di Dewan Negeri Selangor juga ada?”. Jawapan kepada persoalan itu adalah masih belum ada *Prime Minister Question Time* di peringkat negeri dan ianya boleh diadakan sekiranya pihak eksekutif mahu mewujudkannya. Pelbagai lagi soalan yang ditanyakan merangkumi soalan-soalan berkaitan kehadiran, kesalahan tingkah laku dan cara-cara untuk mencelah dalam sesuatu perbahasan. Jelas sekali bahawa pembelajaran seperti ini bukan hanya perlu diketahui oleh para perwakilan namun kesedaran ini juga harus diberikan kepada seluruh warga Selangor agar semua pemegang taruh dapat memahami dan menelusuri apa yang terjadi di Dewan Negeri lebih-lebih lagi sewaktu perbahasan.





BENGGKEL SIRI 1



SESI 3

Bengkel Memahami Dasar dan Isu-Isu Semasa Menerusi Lensa Gender

Sebelum memulakan sesi ketiga pada keesokan harinya, para perwakilan diminta untuk melakukan “*light warm up*” bagi memastikan mereka sudah bersedia untuk menimba input-input yang bakal diberikan ketika sesi ketiga berlangsung. Bengkel Memahami Dasar dan Isu-Isu Semasa dikendalikan oleh Puan Maria Chin binti Abdullah, Mantan Ahli Parlimen Petaling Jaya. Apa yang menariknya ialah beliau menggunakan teknik *two ways of communication* sepanjang sesi bengkel tersebut berlangsung bagi menarik minat para perwakilan dan membantu mereka untuk lebih memahami topik-topik yang dibincangkan.

Secara asasnya, Dewan Negeri merupakan wadah penting untuk Ahli Dewan Negeri (ADN) berbahas, merungkai dan menjawab persoalan isu secara kritis dan telus. Memupuk sebuah suasana yang peka dengan isu-isu kritikal baik secara struktur mahupun individu, ADN mampu melahirkan sesi perbincangan yang bukan sahaja membincangkan isu populis namun isu yang lebih meluas dan komprehensif. Isu-isu berkaitan pembangunan wanita dan masyarakat perlu diketengahkan untuk memastikan segenap masyarakat diwakili dan suara mereka didengari sama ada di peringkat negeri mahupun negara. Memahami dan membahaskan sesuatu isu dan dasar menerusi lensa gender juga adalah amat penting. Sesi ini sebenarnya membantu para perwakilan untuk lebih cakna dan faham tentang bagaimana untuk memahami menerusi lensa gender terhadap sesuatu isu atau dasar. Antara perkara lainnya, selari dengan objektif pelaksanaan Sidang Wanita Selangor 2023, para perwakilan bukan sahaja diharapkan untuk menjadi pemimpin wanita yang mampu berbahas dengan baik dan memahami tugas sebagai wakil rakyat, namun SIWANIS 2023 bertujuan untuk melahirkan individu atau pemimpin wanita yang mampu berfikir secara kritis dalam menyelesaikan sesuatu perkara atau permasalahan.

“Isu pemerkasaan wanita khususnya ibu tunggal. Menggalakkan *upskilling* dan *lifelong learning*. Usaha boleh menjana ekonomi dan *survival*. Perhatian untuk Kementerian pembangunan wanita dan pembangunan masyarakat” adalah ungkapan daripada salah seorang peserta SIWANIS 2023 bernama Puan Hasnidza binti Ahmad

STRUKTUR / INSTITUSI



“Dasar atau Polisi perlulah berasaskan data, kerja lapangan dan situasi semasa.”

- *Puan Maria Chin*



SIWANIS
2023

SIDANG WANITA
SELANGOR

"SIWANIS: Ke Arah
Perwakilan Wanita

Redza sejourus ditanya tentang apakah isu yang harus diberikan perhatian sebagai seorang pemimpin wanita. Puan Maria Chin menerangkan kaedah brainstorming untuk menjadi pemikir yang kritis melalui aktiviti. Beliau menyampaikan bahawa menekankan keperluan untuk peka dan tahu dengan akta yang bersangkutan paut mengikut isu sebelum menyatakan sesebuah isu.

Selain itu, Puan Maria Chin sempat mengulaskan tentang prinsip-prinsip Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Beliau memberikan penjelasan yang terperinci tentang konsep kesaksamaan, diskriminasi dan kewajiban negara bagi melindungi wanita. Tambahan lagi, Puan Maria Chin turut mengetengahkan diskriminasi isu berkaitan kanak-kanak yang tidak sah taraf, ibu bapa bawah umur, ibu

bapa warga asing; anak luar nikah. Hal ini menunjukkan masih ada diskriminasi dan double standard yang memihak kepada golongan lelaki. Masalah kemiskinan pendidikan wanita luar bandar yang mempunyai hak tanah namun disebabkan tiada pendidikan ianya menjadi halangan untuk mengurus tanah seperti yang boleh dilihat banyak berlaku di negeri seperti Sabah dan Sarawak.

Isu yang ditekankan semasa bengkel ini ialah isu berkenaan representasi wanita di Parlimen adalah isu representasi wanita di Parlimen yang masih kurang daripada 30%. Beliau menyatakan halangan untuk wanita masuk ke dalam bidang politik menyebabkan masih kurang representasi wanita di dalam Parlimen. Hal ini disebabkan oleh faktor sosial dan budaya yang masih diamalkan oleh sesetengah golongan

lebih-lebih lagi golongan veteran. Tidak lupa juga kepada faktor psikologi atau motivasi yang menyebabkan wakil wanita masih kurang sokongan dan peluang yang diberikan. Institusi juga memainkan peranan penting melalui polisi dan dasar yang diterapkan di dalam sesebuah institusi bagi memberikan lebih banyak peluang kepada golongan wanita dalam jawatan atau posisi yang boleh membuat keputusan. Tuntasnya, isu-isunya berkaitan wanita masih banyak lagi yang belum dapat diselesaikan seperti *political will* daripada golongan itu tersendiri. Hal berikut menyebabkan kebobrokan daripada ekosistem politik seperti saluran peruntukan yang disalahgunakan kerana didominasi oleh sesetengah golongan sahaja. Wanita perlu memainkan peranan sebagai semak dan imbang dalam setiap institusi dan organisasi bagi memastikan kelicinan sistem pentadbiran wujud.



SESI 4

Bengkel Pembuatan Undang-Undang di DUN dan Pengukuhan Reformasi Institusi

Bengkel Siri 1 SIWANIS 2023 diakhiri dengan sesi terakhir, iaitu sesi untuk memberi pendedahan kepada para perwakilan mengenai asas dan struktur demokrasi di peringkat DUN yang disampaikan oleh Tuan Idzuafi Hadi Kamilan, Pengarah Eksekutif, Institut Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM). Rasional bagi memahami asas dan struktur demokrasi dalam Dewan Negeri merupakan perkara penting. Dewan Negeri bukan sahaja sebagai satu medan untuk Ahli Dewan Negeri (ADN) berbahas dan menyetengahkan isu, namun Dewan Negeri juga perlu mengangkat semangat demokrasi. Proses penggubalan undang-undang antara elemen yang menjadi tonggak dalam menyuburkan demokrasi untuk memastikan suara daripada segenap lapisan masyarakat dapat didengari dan diambil peduli di peringkat negeri mahupun negara.

Tuan Idzuafi Hadi memulakan pembentangannya dengan menceritakan sejarah beliau terlibat dalam bidang penyelidikan politik yang membantu beliau untuk lebih mahir berkaitan selok-



BENGGKEL SIRI 1

belok sistem demokrasi dan proses pembuatan undang-undang. Beliau menekankan kepada para perwakilan tentang kepentingan memahami proses penggubalan undang-undang sebelum berhasrat untuk menjadi wakil rakyat atau terlibat dalam politik secara langsung. Beliau berjaya menarik perhatian para perwakilan dengan melakukan aktiviti perkongsian melalui klip video dan kaedah interaktif bagi memastikan setiap input dapat dipelajari dengan lebih berkualiti. Menurut Tuan Idzuafi Hadi, mesyuarat di Parlimen akan berlangsung tiga kali setahun. Selalunya, Yang Dipertuan Agong hanya datang sekali sewaktu pembukaan sesi Parlimen. Mesyuarat tiga kali tersebut akan terbahagi kepada tiga sesi, iaitu sesi pada bulan Mac akan berfokuskan kepada Titah Diraja. Seterusnya, sesi pada bulan Jun akan menumpukan hal berkaitan Rang Undang-Undang (RUU) untuk dibahaskan atau dipinda. Akhir sekali, sesi terakhir, iaitu pada bulan Oktober akan berfokus kepada Belanjawan Tahunan. Selain itu, proses penggubalan undang-undang akan terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu:

- ▶ **Bacaan kali pertama:** Pengenalan atau pengumuman (announcement) untuk menguar-uarkan dahulu berkenaan Rang Undang-Undang (RUU) kepada ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- ▶ **Bacaan kali kedua:** Proses perbincangan di peringkat Dasar dan peringkat Jawatankuasa.
- ▶ **Bacaan kali ketiga:** Fasa terakhir untuk menentukan usul dipersetujui atau ditolak.

Berbaki masa yang singkat, perbincangan diteruskan dengan menyentuh topik pengukuhan reformasi institusi. Tuan Idzuafi Hadi mencadangkan para perwakilan untuk menelaah buku "*Parliamentary Reform at Westminster*" oleh Alexandra Kelso untuk mendalami lagi pemahaman



tentang reformasi institusi. Beliau juga sempat memberikan kefahaman definisi kepada perwakilan seperti efektif bermaksud melicinkan urusan kerajaan, mengukuhkan institusi Parlimen manakala, efisien bermaksud usaha memodenkan Parlimen atau penambahbaikan hal berkaitan Parlimen. Beberapa perkara berkaitan Reformasi Dewan Negeri Selangor juga turut dibincangkan. Sebagai contoh, siaran langsung persidangan dan pendengaran awam dalam sistem jawatankuasa, badan eksekutif wajib membentangkan maklum balas kepada penyata Jawatankuasa Pilihan dan Setiausaha Dewan atau Penolong Setiausaha Dewan atau wakil yang diberi kuasa oleh Setiausaha Dewan hendaklah menjadi Setiausaha kepada tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan.

Hal ini menunjukkan bahawa reformasi institusi adalah satu keperluan untuk memastikan segala urusan berkaitan pembuatan undang-undang dapat melalui proses yang lebih berkualiti dan memanfaatkan kepada lebih ramai pemegang taruh. Ketika sesi itu berlangsung, perwakilan SIWANIS 2023 bernama Puan Nik Nazzua juga sempat bertanya tentang, “Jika semua undang-undang diluluskan dan bagaimana jika orang awam tidak terima untuk implementasi?”. Apa yang perlu difahami dalam konteks ini ialah, ada ruang untuk kita menilai akta itu berkesan atau tidak, yang dikenali sebagai *Post Legislative Mechanism*. Rakyat sebenarnya boleh menyuarakan ketidakpuashatian melalui petisyen untuk membawa permasalahan dan akan dibawa ke Parlimen. Dikenali sebagai *E-Petition* berfungsi untuk membawa sesuatu isu berkaitan penggubalan undang-undang untuk dibawa ke Jawatankuasa Khas Parlimen dan dihantar kepada Speaker Dewan.

Berakhirnya Bengkel 1 Sidang Wanita Selangor 2023 setelah tamatnya sesi 4 yang dikendalikan oleh Tuan Idzuafi Hadi. Para perwakilan diberikan taklimat bagi menjelaskan lagi perjalanan dan persiapan mereka untuk menghadapi simulasi perbahasan sebagai wakil rakyat. Mereka amat berpuas hati dan teruja kerana berjaya untuk mendapat dapatan yang sangat berguna dan sukar untuk dipelajari di tempat lain.



SIDANG WANITA SELANGOR (SIWANIS) 2023: BENGKEL SIRI 2





DESKRIPSI UMUM

Merupakan kesinambungan kepada Bengkel siri 1 dengan kandungan lima sesi latihan perbincangan dan taklimat akhir Kemuncak Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2023 yang cenderung kepada gambaran dan praktikal perbincangan buat para perwakilan bersedia sebelum kemuncak sidang diadakan. Bengkel siri kedua dengan jayanya diadakan selama satu hari, pada 4 Mac 2023 (Sabtu) di Bilik Mesyuarat MTES, SUK Selangor dari jam 8 pagi sehingga jam 5 petang.

SESI 1

Perkongsian Simulasi Pertanyaan Jawab Lisan dan Perbahasan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri

Perkongsian mengenai tanggungjawab Ahli Dewan Undangan Negeri (ADN) dan persiapan yang dilakukan oleh ADN setiap kali Sidang DUN bermula – soalan dasar yang bagaimana diketengahkan dan tips dalam berbahas secara efektif.

Panel Jemputan:

- ▶ YB Puan Juwairiya Binti Zulkifli, Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Selangor dan ADN Bukit Melawati
- ▶ YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, ADN Bandar Utama
- ▶ YB Dato' Mohd Imran bin Tamrin, ADN Sungai Panjang

Moderator

- ▶ Puan Rusni Tajari

Intipati program

Prosedur Ahli Dewan Undangan Negeri membawa isu setempat ke sidang Dewan Negeri

Bengkel siri 2 dimulakan dengan sesi yang pertama iaitu penampilan panel jemputan yang terdiri daripada barisan Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor bersama perkongsian yang merangkumi aspek tanggungjawab Yang Berhormat serta persiapan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri. Berikutan soalan pertama yang diajukan oleh moderator tentang cara Yang Berhormat (YB) membawa isu setempat ke Dewan Negeri Selangor dijawab oleh panel pertama YB Puan Juwairiya terdapat prosedur yang perlu diikuti iaitu terdapat dua jenis soalan yang akan dibawa ke Dewan: soalan lisan dan soalan bertulis. Kedua-dua jenis soalan ini mempunyai jumlah yang perlu dibawa iaitu 10 soalan lisan yang terdiri daripada 40 patah perkataan sahaja dan 10 soalan bertulis. Kesemua soalan ini akan dihantar secara atas talian 10 hari sebelum sidang berlangsung. Topik yang dibawa

dalam persoalan yang dibuat adalah bebas dan hanya perlu mematuhi peraturan tetap dewan negeri.

Menurut YB Jamaliah, pengumpulan data atau statistik amatlah penting dalam pembuatan soalan bertulis yang mengambil masa yang amat panjang. Orang awam boleh melewati laman web Negeri Selangor untuk menonton sidang secara langsung dan merujuk soalan-soalan yang dibahaskan semasa sidang.

YB Dato' Imran memperingatkan dalam jawapan beliau bahawa penggunaan panggilan "Yang Berhormat (nama kawasan)" adalah salah satu tatacara semasa bersidang di dalam Dewan Negeri. Tambahan beliau, kewujudan strategi dalam menanyakan soalan adalah bonus seperti membawa soalan panas semasa sesi pertanyaan lisan. Ahli dewan juga perlu mempunyai pemikiran yang menyeluruh dan versatil.

Harapan terakhir kepada para perwakilan SIWANIS 2023

Antara pesanan YB Juwairiya kepada para perwakilan SIWANIS 2023 untuk persediaan kemuncak sidang ialah mempunyai *niche* yang tersendiri mengikut kawasan setempat. Sepanjang penggal YB tertentu yang telah dilantik hanya perlu membawa satu hingga dua isu sahaja. Tambahan YB Jamaliah, kesemua para perwakilan yang ingin menceburi bidang politik perlu mempunyai tujuan yang kukuh malah menguatkan lagi kenyataan YB Juwairiya mengenai perjuangan sesuatu isu sudah cukup memadai. Tidak dinafikan, keterlibatan politik membantu dalam pemerkasaan belia dan semangat integrasi kaum. Aturan mesyuarat, *hansard* dan sebagainya perlu dititikberatkan semasa berbahas di Dewan Negeri. YB Dato' Imran berkata, beliau amat menyokong 30% komposisi wanita dalam membuat keputusan & dasar kerana ia membantu advokasi dalam kerjaya dan mengubah persepsi kerjaya sebagai politik ke arah yang lebih baik.



SESI 2

Perbincangan Topik Perbahasan dan Usul

Perbincangan dalam kumpulan tentang topik perbahasan bagi mengasah kemahiran, meningkatkan pengetahuan serta mempersiapkan para perwakilan bagi menuju ke kemuncak Sidang Wanita Negeri Selangor 2023 (SIWANIS). Peserta akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan dibimbing oleh Fasilitator jemputan.

Intipati program:

Perjalanan Bengkel Siri 2 diteruskan dengan sesi kedua, iaitu perbincangan topik perbahasan dan usul dalam kumpulan bagi memberikan gambaran dan praktikal kepada para perwakilan dalam mengumpul fakta, gaya perbahasan dan teknik balas soalan secara berkelompok. Para perwakilan dibahagikan kepada tujuh kumpulan yang dipimpin oleh seorang fasilitator bagi setiap pembahagian kumpulan. Fasilitator yang telah dilantik diberi tugas untuk memberi tunjuk ajar kepada para perwakilan tentang simulasi sidang dewan, kaedah perbahasan dan tatacara bersidang. Topik perbincangan mengikut kumpulan adalah, “Had umur minimum perkahwinan harus dinaikkan daripada 18 tahun kepada 21 tahun”, “Minimum 30% kuota wanita dalam pembuatan dasar/keputusan” dan “Akses Pendidikan adalah Hak Semua”.

Seterusnya, setiap kumpulan dibahagi kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan kerajaan dan kumpulan pembangkang. Hal ini bertujuan bagi mengadakan pertempuran sidang kecil sebagai tugas praktikal. Di sebalik pertempuran kecil ini, para fasilitator akan memberi tumpuan kepada setiap para perwakilan sebagai penentuan untuk pelantikan Menteri Besar, Exco Wanita, Ketua Blok Pembangkang dan barisan Ahli Dewan Negeri (ADN).


SESI 3

Pelantikan sebagai ADUN, Blok Kerajaan atau Pembangkang, Exco Wanita dan Menteri Besar

Setiap perwakilan akan diberikan kawasan yang akan diwakili iaitu sebanyak 56 DUN dan pelantikan sebagai Menteri Besar, Exco Wanita dan Ketua Pembangkang.

Intipati program:

Sesi ketiga dilanjutkan dengan pengumuman senarai ADUN sebelum penentuan blok kerajaan dan pembangkang diteruskan. Debaran kian terasa apabila pengumuman bagi bidang kuasa Menteri Besar, Exco Wanita, ketua blok pembangkang dan turut disertai 10 orang perwakilan terbaik telah dipilih bagi mewakili Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) sejurus kesemua perwakilan menerima Daerah yang mereka bakal wakili. 30 minit berlalu, 13 orang telah pun diumumkan dan dibawa ke bilik mesyuarat khas bagi menerima taklimat sidang. Menteri Besar Selangor, yang diketuai oleh Cik Saiyidah Nur Izzati Binti Razak Maideen serta Ketua Blok Pembangkang, Sara Dalina binti Khairil Anuar diberi amanat untuk memimpin Ahli Dun yang lain mengenai simulasi yang bakal berlangsung semasa sesi 4.



SESI 4

Simulasi Perbahasan Usul

Simulasi Pertanyaan Jawab Lisan dan Perbahasan Usul bagi memberikan gambaran lebih jelas kepada para perwakilan tentang peranan masing-masing semasa kemuncak Sidang Wanita Negeri Selangor 2023.

Intipati program:

Bagi memberi gambaran yang lebih jelas lagi kepada para perwakilan adalah melalui latihan simulasi sidang yang dijalankan semasa sesi yang ketiga. Setiap perwakilan diberi masa satu jam untuk membincangkan topik dan usul yang akan dibawa semasa simulasi sidang mengikut blok masing-masing untuk sesi ini. Topik yang dibawa semasa latihan sidang ini adalah “Had umur minimum perkahwinan harus dinaikkan daripada 18 tahun kepada 21 tahun”.

SESI 5

Taklimat Akhir: Persiapan menuju SIWANIS

Setelah selesai latihan sidang, diteruskan pula dengan sesi yang terakhir bagi Bengkel Siri 2 SIWANIS 2023, iaitu taklimat akhir persediaan menuju kemuncak sidang.



KEMUNCAK SIWANIS





Sesi yang terakhir bagi para perwakilan SIWANIS 2023 setelah dua minggu berturut-turut menghadiri Bengkel Siri 1 dan 2. Sesi kemuncak SIWANIS ini akan membentangkan dua usul, iaitu Akses Pendidikan Kepada Anak-Anak Tanpa Kewarganegaraan dan Minimum 30 Peratus Kuota Wanita di Semua Peringkat Pembuatan Keputusan. Sesi inilah para perwakilan diberi peluang merasai peranan Ahli Dewan Negeri secara realistik membawa usul di dalam Dewan Negeri.

SESI PERBAHASAN USUL 1:

Akses Pendidikan Kepada Anak-Anak Tanpa Kewarganegaraan

Dewan dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Setiausaha Dewan lalu Setiausaha Dewan memperkenalkan Yang Dipertua Speaker Dewan, iaitu YB Puan Lim Yi Wei dan mempersilakan Yang Dipertua Speaker Dewan untuk memberikan ucapan pembukaan. Yang Dipertua Speaker Dewan memperkenalkan diri dan mengingatkan dewan supaya berbahas dengan tertib, elakkan tohmahan dan fitnah serta memanggil setiap perwakilan dengan panggilan Yang Berhormat.

Dewan diteruskan dengan sesi pertanyaan jawab lisan (soalan no. 4). Soalan daripada YB Kuala Kubu Baharu bertanya tentang, “Apakah langkah-langkah kerajaan dalam menangani *period poverty*?” YB Ijok yang menggalas peranan sebagai EXCO Wanita memberikan jawapan bahawa Kerajaan Negeri Selangor adalah negeri pertama yang memperkenalkan program pemberian tuala wanita percuma. Sebanyak RM 200 ribu telah diperuntukkan untuk penyediaan tuala wanita secara percuma melalui Belanjawan 2023 yang telah diumumkan oleh Menteri Besar Selangor. Katanya lagi, mengikut kajian, setiap wanita menggunakan lebih 8,000 bahan pakai buang termasuk *pad* dan *tampon* dan membelanjakan purata RM10 setiap bulan. Banyak negara berpendapatan tinggi telah melakukan usaha untuk memberikan tuala wanita secara percuma atau subsidi.



Soalan pertanyaan jawab lisan (soalan no. 7) daripada YB Seri Kembangan, bertanya tentang “Apakah pelan kerajaan untuk memudahkan pengendalian sokongan dan pembelajaran kanak-kanak Orang Kelainan Upaya (OKU)?” Jawapan terus diberikan oleh YB Ijok (EXCO Wanita) yang menjelaskan Kerajaan Negeri Selangor melalui Yayasan Warisan Selangor (YAWAS) setakat ini telah membelanjakan hampir RM5 juta untuk bantuan khas kepada Anak Istimewa Selangor (ANIS) yang memberikan manfaat kepada lebih 1,500 orang penerima sejak 2018. Objektif utama ANIS adalah untuk membantu meringankan tanggungan kos terapi, pemulihan, pendidikan dan sara hidup pada waktu kecemasan juga untuk mengurangkan kos membeli peralatan khas atau mesin bagi anak-anak ANIS. Namun begitu, YB Seri Kembangan mencelah kerana YB Ijok (EXCO Wanita) tidak menjawab persoalan mengenai pengendalian sokongan dan pembelajaran kanak-kanak OKU. YB Ijok menjelaskan antara perkhidmatan yang disediakan oleh ANIS sebagai sokongan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu-bapa penjaga adalah memantau modul dan ko-kurikulum yang akan digunakan, memberi nasihat dan latihan kepada kakitangan ANIS dan memberikan khidmat kaunseling kepada ibu bapa penjaga yang memerlukan.

Seusai YB Ijok menjawab soalan pertanyaan jawab lisan, Speaker Dewan menjemput YB Sungai Panjang untuk bertanyakan soalan. YB Sungai Panjang bertanya, “Bagaimanakah Kerajaan Negeri Selangor bawah pimpinan YB Ijok (EXCO Wanita) untuk mengawal selia dan melindungi kanak-kanak dan wanita daripada gangguan seksual alam siber?”. YB Ijok selaku EXCO Wanita membalas, “Statistik Malaysia menunjukkan pola

gangguan meningkat, dengan sebanyak 596 kes melibatkan remaja dan dewasa bawah umur 24 tahun. Malaysia menduduki tempat kedua di Asia untuk pembulian alam siber. Malahan, usaha Kerajaan Negeri Selangor adalah pertamanya melalui *TeamSelangor* dengan mengadakan program pendidikan dan kesedaran dalam kalangan pelajar berhubung hak keselamatan peribadi. Seterusnya, mewujudkan *Cyber Emergency Response Team* (CERT) dengan bajet sebanyak RM 2 juta bagi tahun 2023.

Untuk soalan terakhir bagi sesi pertanyaan jawab lisan, YB Seri Serdang berpeluang untuk bertanya, “Apakah usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan mental sekali gus menangani isu kesihatan mental di Selangor?”. Jawapan diberikan oleh EXCO Wanita adalah, “Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Program Kesihatan Mental bermula pada tahun 2019. Melalui program ini, individu yang mempunyai masalah mental akan menerima sesi kaunseling dan nasihat daripada pakar terlatih dan berpengalaman. Program ini telah ditambah baik pada tahun 2021 melalui pengenalan Program Selangor Mental Sihat (SeHAT) yang merangkumi forum, ceramah, soal selidik, sesi platform dalam talian bersama-sama kaunselor bertaualiah serta talian sokongan sosial, iaitu Talian SeLamat dan Talian SeHat melalui aplikasi SELANGKAH.

Setelah sesi pertanyaan jawab lisan selesai, Yang Dipertua Speaker Dewan terus melanjutkan dewan ke sesi perbahasan yang bertajuk “Akses Pendidikan Kepada Anak-Anak Tanpa Kewarganegaraan”. YB Permatang selaku Menteri Besar Negeri Selangor (Sayyidah Izzati) memulakan perbahasan dan menyatakan bahawa statistik daripada Jabatan Pendaftaran

Negara (JPN), 1.4 juta orang warganegara Malaysia tidak mempunyai sijil kelahiran. Sebanyak 45 ribu adalah daripada golongan yang berumur 13-15 tahun iaitu mereka yang masih dalam alam persekolahan tetapi tidak mendapat akses pendidikan. Selain itu, pindaan yang memberikan hak kepada wanita dan anak tersebut harus didukung sepenuhnya oleh blok kerajaan dan blok pembangkang. Namun, YB Bandar Utama selaku Ketua Pembangkang (Sara Dalina) membalas hujah itu dengan menyatakan usul mengenai akses pendidikan kepada anak-anak tanpa kewarganegaraan ini bersifat jangka masa pendek dan tidak merawat punca permasalahan. Kesan dan impak anak-anak tanpa kewarganegaraan bukan sahaja merangkumi pendidikan tetapi juga kesihatan dan peluang pekerjaan. Tanpa dokumen pengenalan diri, seseorang tidak boleh membuka akaun bank, tidak boleh berjalan ke luar negara, tidak layak mendaftar skim perumahan, tidak boleh mendaftar *e-hailing* dan sebagainya. Beliau menegaskan bahawa usul ini bukan langkah terbaik untuk menangani kesemua aspek yang disebutkan dan hanya merangkumi aspek pendidikan. Perbahasan ini semakin menarik perhatian kerana YB Ijok selaku EXCO Wanita bangkit dan menegaskan bahawa YB Bandar Utama lebih banyak kepada bersetuju dengan usul tetapi meluaskan lagi aspek usul yang dibawa oleh kerajaan. Mohon YB Bandar Utama fokus kepada aspek pendidikan sahaja.

Setelah memberikan pencelahan, YB EXCO Wanita (Maryam Jamadi) bangkit untuk memberikan perbahasan dan menyatakan bahawa terdapat 12,400 individu tanpa kewarganegaraan yang menetap di Semenanjung Malaysia, termasuk negeri Selangor. Akan tetapi, setakat ini masih tiada data khas untuk kanak-kanak tanpa

kewarganegaraan yang menetap di Selangor. Beliau menambah bahawa pihak kerajaan akan membuat statistik dan kaji selidik untuk mengetahui bilangan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Selangor. Setelah mendapat anggaran dan penempatan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, pihak kerajaan akan mengadakan pusat komuniti yang memberikan pengajaran Bahasa Malaysia kepada mereka. Ketua pembangkang terus bangkit dan memetik statistik daripada *Development of Human Resources for Rural Area* (DHRRA). Usaha untuk mengurangkan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan adalah usaha badan bukan kerajaan tempatan dan pihak kerajaan tidak perlu mengambil kredit atas kejayaan itu. Lalu, YB Ijok (EXCO Wanita) menyatakan bahawa badan bukan kerajaan tersebut mendapat dana daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor. Perbahasan menjadi tegang dan membuatkan lebih ramai perwakilan bangkit untuk memberikan soalan namun tidak diendahkan oleh pembahas.

Sejurus perbahasan yang tegang itu, Dewan terus kepada pembahas seterusnya, iaitu YB Balakong daripada blok pembangkang. Beliau menyatakan pendirian untuk bersetuju namun menekankan isu hari ini bukan dengan usul yang dibawa oleh pihak kerajaan. “Adakah kerajaan negeri Selangor sudah bersedia untuk menerima anak-anak tanpa kewarganegaraan ini bagi mendapatkan akses pendidikan? Usul ini boleh diterima jika melihat pada jangka masa lima tahun sehingga ke 10 tahun akan datang. Data atau statistik sahaja akan mengambil masa dua hingga tiga tahun untuk selesai. YB Balakong juga menyebut, “Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyebut bahawa kerajaan dan agensi antarabangsa layak untuk memberikan akses pendidikan kepada anak-anak pelarian

tanpa kewarganegaraan, tetapi perlu mengikut kepada keperluan negara. Negara Malaysia mempunyai keperluan lain. Jadi, mungkin pada masa akan datang baru usul ini boleh dipertimbangkan. Isu yang kedua adalah anak-anak pelarian ini mendapat pendidikan di Malaysia melalui NGO swasta dan kurang wacana daripada kerajaan sendiri. Wakil daripada blok kerajaan, iaitu YB Sementa (Arifah Ab Wahab) memberikan pendirian sebagai blok kerajaan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah mempunyai akses pendidikan untuk anak-anak bukan warganegara bagi sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan PPKI. Bukan untuk anak-anak pelarian sahaja tetapi sesiapa sahaja boleh memohon dengan kaedah pendokumentasian. Melalui Akta Pendidikan 1996, kriteria pengecualian untuk akses pendidikan bukan warganegara adalah bagi yang bermastautin tidak kurang daripada lima (5) tahun, bekerja bawah sektor kerajaan dan sebagainya. Mereka harus mengisi borang buku biru dengan butir-butir murid dan ibu bapa harus dilengkapkan. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pula akan menemu bual mereka, dan kemudian mereka harus mendapatkan pas pelajar di JPN sekiranya layak. Mereka akan datang ke PPD semula untuk bayaran fi dan pas pelajar. Kenyataan tersebut menyebabkan pencelahan daripada YB Rawang dan bertanya, "Satu persoalan kepada pihak kerajaan tentang perincian sekiranya ingin menjawab kepada pembayar cukai, jika kita ingin memberi akses kepada anak-anak tanpa warganegara, sedangkan mereka tidak membayar cukai?". YB Semenyih tertarik dengan persoalan tersebut lalu terus menjawab "Semua yang tinggal di Malaysia adalah pembayar cukai termasuk bukan warganegara melalui pembelian di Malaysia. Semua barang dan makanan keperluan asas perlu dibayar cukai termasuk bil elektrik."



Dewan diteruskan dengan perbahasan daripada YB Dusun Tua, iaitu daripada blok pembangkang. Beliau menegaskan bahawa akses pendidikan kepada semua secara mampan dan inklusif adalah penting. Isu mikro yang mungkin terlepas pandang adalah daripada segi kos. Jika dilihat melalui kanta negeri Selangor, tiada data khusus untuk status terkini bilangan anak-anak tanpa kewarganegaraan. Namun begitu, Jawatankuasa telah mewujudkan satu program khusus, iaitu MySel. Sejak September 2018 sehingga kini, terdapat lebih ribuan permohonan. Bilangan ini mungkin tidak besar tetapi membimbangkan daripada segi kos. Melalui pembentangan Belanjawan 2023, KPM mempunyai peruntukan terbesar sebanyak RM55.26 bilion. Peruntukan sebegini dibahagi kepada banyak perkara seperti bantuan awal persekolahan, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), penyediaan ruang pembelajaran yang kondusif dan selamat, kerja-kerja penyelenggaraan dan

pembaikan sekolah. Pencelahan daripada YB Permatang (Menteri Besar Selangor), “Adakah YB Dusun Tua sedar bahawa anak-anak tanpa kewarganegaraan ini mempunyai ibu bapa berwarganegara? Adakah pihak pembangkang menyatakan diskriminasi terhadap anak-anak tanpa kewarganegaraan yang mempunyai ibu bapa berwarganegara?” YB Dusun Tua menjawab dengan yakin berkata, “Tiada diskriminasi tetapi maklumat ini adalah untuk semua. Perkiraan pembelajaran sedia ada ini tidak mencukupi untuk menampung anak-anak tanpa kewarganegaraan. Persoalannya adalah, bagaimanakah atau apakah pelan sedia ada yang kerajaan boleh kemukakan dalam aspek kos dan perbelanjaan untuk membantu anak-anak tersebut? Dari manakah kerajaan akan mendapatkan dana untuk menampung kos?”



Setelah aksi soal-meny soal tersebut selesai, Yang Dipertua Speaker memberikan ruang kepada YB Sungai Air Tawar daripada blok kerajaan (Nur Atikah Halim) untuk memulakan perbincangan beliau. YB Sungai Air Tawar menyebut bahawa hasil tinjauan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) pada tahun 2018 mendapati bahawa kadar literasi adalah pada tahap memberangsangkan iaitu, 94.5% meletakkan Malaysia di kedudukan 72 di peringkat global. Namun begitu, masih terdapat jurang kelas sosial terutama melibatkan anak-anak tanpa kewarganegaraan. Hak pendidikan harus disediakan bagi mencakupi semua masyarakat untuk merapatkan jurang kedudukan, termasuk di bandar dan luar bandar. Beliau menyambung di Sabah, terdapat pelaksanaan kelas untuk orang asli dan peribumi yang dilancarkan oleh KPM pada tahun 2018 yang dilihat telah meninggalkan kesan yang positif. Inisiatif ini boleh digunakan di negeri Selangor untuk anak-anak tanpa kewarganegaraan di Selangor termasuk golongan OKU. Tentang dana pula, sejak 2018, sebanyak lebih RM300 juta disalurkan kepada sekolah-sekolah dan para pelajar. Selangor ingin memperluas peluang pendidikan demi kesejahteraan semua. Hasil daripada hujah tersebut, YB Bandar Baru Klang bertanya, “Bagaimanakah inisiatif ini sampai kepada pihak penduduk dan ke kawasan pedalaman?” YB Sungai Air Tawar menjawab, “Kita mempunyai *task force*, dan memerlukan bantuan daripada pihak ADUN untuk sama-sama turun padang kerana bukan semua mendapat akses maklumat dalam talian.”

Dewan semakin menjadi tegang akibat semua perwakilan kelihatan ghairah untuk bertanya soalan jika ada sebarang perbincangan dikemukakan oleh mana-

mana perwakilan. YB Selat Kelang daripada blok pembangkang (Farhana Abdullah) menunjukkan statistik bilangan kemasukan murid bagi tahun 2022, Malaysia mempunyai nisbah guru dan pelajar sebanyak 1 guru dan 45 pelajar, berbanding luar negara, iaitu sebanyak 1 guru, 15 pelajar. Selain itu, 71.1% guru di Kuala Lumpur dan Selangor mengalami stres. Tambahan pula, golongan wanita mengalami stres dua kali ganda lebih tinggi berbanding lelaki. Dalam hal ini, adakah wajar untuk menambah lagi bebanan guru? Terdapat juga kekangan bahasa, sahsiah dan moral pelajar. Guru juga mempunyai banyak tugas seperti pentadbiran, laporan pembelajaran, *key-in* dalam tiga tempat kedatangan, termasuk kurikulum pelajar. Pencelahan oleh YB Semenyih, “Tangga gaji guru adalah melebihi RM 4,000. Guru adalah dalam kalangan M40. Gaji mereka banyak tetapi membuat kerja yang sedikit dan berbaloi.” YB Kuala Kubu Baharu pula menyatakan, “YB Selat Kelang berkata guru bersara awal kerana stres mengajar. Tetapi sebenarnya mereka bersara awal kerana mereka mahu terlibat dalam bidang perniagaan atau bidang lain.” YB Bukit Gasing pula menyatakan pada Ogos 2022, kerajaan menambah sebanyak 5,000 guru untuk menangani isu berkenaan nisbah guru. Terdapat banyak talian stres untuk luahkan perasaan bagi guru dan wanita. Banyak persoalan hasil daripada hujah oleh YB Selat Kelang tersebut yang menyebabkan beliau tidak mengendahkan persoalan tersebut dan hanya meneruskan perbincangan beliau. Wakil daripada blok kerajaan iaitu, YB Sentosa (Nora Anak Lema) diberikan peluang oleh Speaker Dewan untuk meneruskan perbincangan usul 1 dan beliau menyatakan pendirian beliau tentang Kerajaan Negeri Selangor akan memberikan biasiswa kepada bukan warganegara. Untuk warganegara, terdapat biasiswa

kepada pelajar lepasan SPM, biasiswa Dato’ Menteri Besar Selangor, pinjaman boleh ubah dan lain-lain. Hak sama rata harus diberikan kepada bukan warganegara. Hal ini menyebabkan pencelahan oleh YB Batu Tiga, “Tidak menidakkan hak bukan warganegara untuk mendapat pendidikan, tetapi untuk dokumentasi mohon dipercepatkan. Tetapi untuk memberikan biasiswa kepada mereka, mohon dipertimbangkan semula.”

Dewan diteruskan dengan ruang yang diberikan kepada YB Kota Kemuning (Nik Haminah) daripada blok pembangkang untuk memberikan hujah beliau. YB Kota Kemuning memberikan pendapatnya daripada segi kekangan dokumen, “Warganegara Malaysia sendiri juga menyediakan 10 dokumen untuk mendapatkan akses pendidikan. Apatah lagi untuk kanak-kanak bukan warganegara yang ibu bapanya tiada dokumen pengenalan.” Terdapat dua kategori yang berbeza, iaitu anak-anak tanpa kewarganegaraan yang mempunyai ibu bapa berwarganegara Malaysia dan anak-anak tanpa kewarganegaraan yang mempunyai ibu bapa tanpa kewarganegaraan Malaysia. “Apakah yang boleh dibuat untuk memudahkan pendaftaran dokumen mereka? Kerana daripada segi data, daripada lebih kurang 2,000 aduan, hanya 10% sahaja yang selesai bagi anak-anak bukan warganegara.” Beliau juga sempat bertanya, “Hanya di negeri Sabah sahaja kerajaan negeri telah bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dan JPN. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk mempercepat proses dokumentasi?” Seusai hujah daripada YB Kota Kemuning. YB Pandan Indah daripada blok kerajaan (Dr. Nor Hanizah) bangun untuk memberikan hujah beliau. Beliau berkata, “Mengenai kos, pengurusan dan dokumentasi, di Sarawak sudah

diwujudkan 18 pusat pembelajaran komuniti di ladang-ladang Sarawak bagi kanak-kanak warga Indonesia. Guru-guru di Malaysia tidak bekerja di pusat tersebut. Malahan kos juga dibiayai sepenuhnya oleh warga Indonesia.” Beliau juga menekankan bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan mewujudkan dokumen sementara bagi anak-anak tanpa kewarganegaraan.

Ruang perbahasan diteruskan oleh YB Sabak yang mewakili blok pembangkang (Bibi Intan Suraya). Beliau menekankan bahawa dalam proses semak dan imbang, harus diingatkan bahawa kerajaan kita masih kurang bantuan ke sekolah bantuan kerajaan terutamanya di luar bandar. Kemudahansekolah yang sangat daif seperti kerusi meja banyak yang patah, tiada capaian Internet, ketidakcukupan komputer dan sebagainya. Peruntukan ini diperlukan untuk akses pendidikan yang lebih holistik bukan kepada golongan tertentu sahaja tetapi kepada semua. Hampir 40% tiada peranti digital elektronik, lebih 65% sekolah kebangsaan berkedudukan di luar bandar yang mempunyai kekurangan akses pengangkutan, prasarana dan sebagainya. Kenyataannya itu menyebabkan pencelahan oleh YB Sungai Air Tawar, “Belanjawan 2023 telah meluluskan bajet untuk menaiktarafkan sekolah yang uzur dan mempunyai perancangan selama lima tahun. Kerajaan Negeri Selangor akan bekerjasama dengan kerajaan persekutuan untuk hal ini.” YB Sungai Panjang juga menyebut sebanyak RM 26.5 juta telah diperuntukkan untuk memperbaiki infrastruktur sekolah. YB Sabak menjelaskan bahawa isu moral, sahsiah, bebanan kerja guru dan isu dokumentasi yang tidak sudah. Beliau turut menyatakan, “Bukan sahaja bentangkan *number*, tetapi implementasinya. Sebelum kita bercakap tentang perluasan akses pendidikan untuk

semua, harus selesaikan isu ini dahulu. Mohon dilewatkan usul ini sehingga masalah infrastruktur dan capaian Internet dan sebagainya selesai dahulu.”

Sebelum ke sesi penggulungan usul, YB Kota Anggerik (Sally Sarena) menjadi pembahas terakhir mewakili blok kerajaan untuk menyatakan pendirian beliau tentang usul ini. Beliau berpendapat bahawa agenda pendidikan adalah untuk semua yang akan memberikan harapan kepada anak-anak termasuk yang tiada warganegara. Jika dapat dilihat banyak badan bukan kerajaan (NGO) yang memberi sokongan kepada anak-anak tanpa warganegara dan anak-anak yang tercicir seperti DHHRA, *Advocates for Non-discrimination and Access to Knowledge* (ANAK) di Sabah dan *Nations of Women* (NOW) di Perak. Beliau merumuskan tentang kehidupan akan menjadi lebih harmoni dengan pendidikan. Melalui satu matlamat, iaitu *no one left behind*, semua harus berganding bahu untuk turun dan mendapatkan akses kepada anak-anak terbiar ini.

Sesi penggulungan: Akses Pendidikan Kepada Anak-Anak Tanpa Kewarganegaraan

Speaker Dewan menjemput YB Permatang selaku Menteri Besar Selangor untuk memberikan penggulungan untuk Usul 1, iaitu 'Akses Pendidikan Kepada Anak-Anak Tanpa Kewarganegaraan'. YB Permatang menekankan bahawa usul ini mampu memberikan impak positif bagi pelabur asing. Mengenai beban guru, usul ini dapat membawa pelabur masuk, dengan menggaji lebih ramai lagi guru serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Secara tidak langsung, hal ini akan membuka lebih banyak jalan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan kerajaan persekutuan dalam pelbagai sektor. Umum mengetahui bahawa negeri Selangor adalah negeri yang termaju yang mempunyai peratusan tertinggi pendidikan bagi anak-anak warganegara dan bukan warganegara. Kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan lagi peratusan tersebut. Akhir kata, beliau mengingatkan kepada semua perwakilan bahawa memberikan anak-anak tanpa warganegara untuk mendapatkan akses pendidikan ini selaras dengan salah satu rukun kerajaan Madani, iaitu Ihsan.

Sesi Pengundian

Sejurus penggulungan, Yang Dipertua Speaker Dewan meminta semua perwakilan untuk mengundi usul secara atas talian. Keputusannya, sebanyak 46% setuju dengan usul, manakala 54% lagi tidak bersetuju dengan usul berkenaan. Maka, Dewan ini tidak bersetuju dan menolak usul 'Akses Pendidikan Kepada Anak-anak Tanpa Kewarganegaraan'. Sesi Dewan pada waktu pagi ditamatkan dan akan bersambung kembali pada jam 2.30 petang.





RUANG PERBAHASAN

SESI PERBAHASAN USUL 2:

Minimum 30 Peratus Kuota Wanita di Semua Peringkat Pembuatan Keputusan

Yang Dipertua Speaker Dewan bersambung.

Sebelum meneruskan usul kedua, Dewan mempunyai isu undian dalam talian bagi usul pertama yang menunjukkan angka yang kurang tepat kerana jumlah undi melebihi jumlah bilangan Ahli Dewan Yang Berhormat di dalam Dewan. Untuk keadilan semua pihak, Dewan akan membuat undian semula, iaitu kesemua Ahli Dewan harus berjumpa Setiausaha Dewan untuk menyatakan sokongan atau penolakan usul tersebut.

Setelah undian selesai dilakukan, Setiausaha Dewan mengumumkan untuk undian usul pertama, terdapat 24 yang menyokong dan 23 tidak menyokong. Maka usul pertama “**Akses Pendidikan Kepada Anak-anak Tanpa Kewarganegaraan**”, Dewan menyokong dan usul diluluskan. Yang Berhormat boleh kemukakan bantahan secara bertulis selepas ini.

Seterusnya, Sesi Perbahasan Usul 2 bermula.

Yang Berhormat Permatang, Puan Saiyidah Nur Izzati binti Razak Maideen membuka langkah dengan pernyataan tentang peratusan wanita dalam pembuatan dasar dan keputusan ini akan meliputi peringkat negeri, persekutuan, korporat atau segala bidang yang mempunyai peratusan wanita berkerjaya. Imbas kembali kepada sejarah pimpinan lelaki di Malaysia dan Asia Tenggara mengenai sistem patriarki yang merupakan sistem tertua di dunia. Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008 telah meningkatkan peratusan wanita daripada 8% kepada 13% dan ke 17%. Sekiranya melonjak ke 50%, hal ini akan mengambil masa terutamanya kepada ibu yang berkerjaya. Kesemua tempat kerja dan bangunan kerajaan perlu mempunyai kemudahan-kemudahan untuk wanita seperti pusat jagaan kanak-kanak. Pesanan YB Permatang, negara Malaysia tidak boleh mengalu-alukan penglibatan wanita tanpa memberikan kemudahan yang boleh meringankan beban mereka dalam kehidupan seharian. Pihak kerajaan ingin mengusulkan untuk bermula dengan 30% kerana ingin menambah baik sistem dahulu sebelum mengalu-alukan lebih banyak wanita.

Usul yang dibawa oleh Kerajaan dipersoalkan oleh YB Bandar Utama yang diwakili oleh Puan Sara Dalina binti Khairil Anuar sekiranya tiada perincian dilakukan oleh pihak kerajaan. Tambah beliau lagi, Malaysia mempunyai nombor yang baik untuk wanita bekerja yang memegang jawatan yang berperanan menghasilkan pendapatan, iaitu sebanyak 50%, lebih daripada purata global sebanyak 41% di peringkat korporat atau swasta. Kadar wanita dalam lembaga pengarah di Malaysia adalah 38%, lebih daripada purata global sebanyak 32%. Pihak pembangkang berpendapat bahawa masalah kekurangan wanita sebagai pembuat keputusan ini hanya ketara di peringkat arena politik sahaja sebaliknya kedudukan di tangga global cukup teruk. Menerusi usul ini, kerajaan terlalu fokus kepada proses representasi



dan beranggapan kuota bermaksud suara wanita. Kuota yang diberi perlu mempunyai jangkaan, nilai prestasi dan penanda aras. Perubahan yang berpanjangan memerlukan langkah drastik yang berterusan. Pihak pembangkang menegaskan kenyataan mereka dengan tidak menginginkan calon wanita yang “*tangkap muat*” dan harus diberitahu gerangan yang akan memilih calon wanita ini jika kuota ini diberikan.

Disokong oleh Puan Bibi Intan Suraya binti Murat, YB Sabak mengutarakan dua perkara, iaitu senario dan cadangan penggubalan dasar, penglibatan wanita dalam sektor korporat adalah tinggi tetapi masalah ketara adalah dalam arena politik, iaitu penglibatan wanita masih lagi kurang daripada 30%. Dasar Wanita Negara sudah dibuat pada tahun 1989 dan mempunyai pindaan pada tahun 2009. YB Sabak menutup pembentangan beliau dengan persoalan, “Di manakah hasil tindakan kerajaan yang telah dibuat sebelum ini selama 34 tahun dasar telah dibuat?”

We cannot solve our problem with the same thinking when we created them. – Albert Einstein

Pembentang seterusnya oleh YB Ijok (EXCO Wanita) yang diwakili oleh Maryam binti Mohd Jamadi memulakan langkah dengan perkongsian statistik populasi penduduk wanita di Malaysia pada tahun 2021 dengan jumlah 48.64%. YB Ijok menjelaskan hanya 33 orang bersamaan 14.86% wanita merupakan ahli parlimen. Di Dewan Negeri Selangor, hanya 13 orang sahaja ADN wanita daripada 56 kerusi. Ini bermakna 23% sahaja adalah wanita dan masih kurang daripada 30%. Malaysia menduduki tempat ke-145 dalam 192 negara mengikut Kesatuan Antara Parlimen. Forum Ekonomi Dunia meletakkan Malaysia di

tangga 103 daripada 146 negara daripada aspek kesenjangan gender dalam empat (4) bidang, iaitu politik, ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Golongan perempuan lebih berpendidikan di Malaysia, merujuk Laporan DGG 2022 menunjukkan 48.44% wanita memasuki Institut Pengajian Tinggi (IPT) berbanding golongan lelaki sebanyak 37.05%.

YB Bukit Antarabangsa yang diwakili oleh Putli Noor Asikin binti Datu Gulam mencelah dengan menyokong terhadap fakta pihak kerajaan daripada segi kuota. Bagi beliau, pemimpin seharusnya memberi peluang wanita terlibat dengan politik kerana statistik menunjukkan yang cerdik pandai adalah para wanita akan tetapi peluang yang diberi begitu tipis. Jika dilihat di negara luar seperti Norway mempunyai 40% perempuan dan Rwanda lebih 60% perempuan di peringkat pembuat keputusan. *Threshold* di Norway adalah 33%. Di Rwanda, populasi telah meningkat dengan jayanya kerana penambahbaikan daripada segi perkhidmatan kesihatan.

YB Rawang yang diwakili oleh Zazilia binti Mohd Rawi menambah dengan kenyataan fakta mengenai empat (4) negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Vietnam yang mempunyai penglibatan lebih 20% wanita di parlimen. YB Rawang menutup giliran beliau dengan persoalan adakah kerajaan Malaysia ingin mengikuti cara empat negara ini yang mempunyai ketinggian peratusan wanita di dalam parlimen? YB Batu Tiga oleh Puan Aniza binti Mohamed Nawawi menekankan lagi kenyataan YB Rawang, iaitu sejak tahun 1989, tiada peningkatan calon wanita. Perlunya reformasi budaya untuk menyelesaikan isu ini.

YB Bandar Baru Klang oleh Khursiah binti Ahmad Zainudin mengutarakan cadangan kepada kerajaan untuk menyusun semula reformasi institusi dan penggubalan dasar dalam tiga perkara, iaitu peruntukan pembantu khas untuk menjaga anak-anak ahli politik wanita semasa Sidang Negeri dijalankan tiga kali setahun, memperkuatkan antigangguan seksual dan mengenakan denda kepada individu yang melemparkan kenyataan berbaur seksisme kepada ahli-ahli politik wanita dan memperhebat kempen agenda hormat wanita di tempat kerja. Disebabkan laluan politik untuk berkembang agak terhad dan mempunyai banyak halangan, blok pembangkang ingin mencadangkan Dewan Negeri memberikan peruntukan kuota tambahan untuk wanita berdaya bukan dari laluan politik tetapi wanita profesional di sektor korporat atau mewakili badan-badan bebas yang memperjuangkan hak-hak wanita, keluarga, anak-anak dan masyarakat.

YB Sekinchan diwakili oleh Sharifah Nur Aliyah binti Syed Muhammad Azman berpendapat bahawa apabila kita meningkatkan peratus kuota, akan lebih ramai wanita yang boleh memberikan sokongan kepada wanita. Hujah yang kedua adalah untuk memberikan peluang kepada wanita yang berpengalaman dan berkelayakan untuk memegang jawatan yang secara asalnya dipegang oleh lelaki. Para akademik wanita mempunyai peratusan yang tinggi di IPT. Namun begitu, lebih ramai lelaki yang memegang jawatan tinggi di IPT sebagai Naib Canselor walaupun 53.4% adalah para wanita yang mempunyai latar belakang PhD.

Pandangan Cik Stella Leong Sin Yin, YB Dusun Tua pula, beliau tidak dapat nafikan ketinggian peratusan wanita dalam

pekerjaan korporat namun hal ini tidak sama dengan arena politik. Sistem patriarki dan ideologi hegemoni maskulin telah mendominasi politik Malaysia. Isu ini dapat dilihat apabila pemimpin lelaki mendominasi jawatankuasa tertinggi parti-parti politik. Wanita sering dianggap sebagai penyokong atau pembantu parti dan lelaki lebih sesuai menjadi pemimpin berbanding wanita.

Sesi perbincangan menjadi semakin hangat dengan pencelahan yang dibuat antara blok kerajaan dan blok pembangkang dengan persoalan serta isu yang berkaitan. Tampak penuh semangat waja barisan perwakilan SIWANIS 2023 membahas dengan lantang!

Sesi diteruskan lagi dengan kenyataan YB Taman Medan yang diwakili oleh Puan Lilitha a/p Govindasamy, kerajaan telah meluluskan dasar penglibatan sekurang-kurangnya minimum 30% golongan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat pada 27 Jun 2011. Malaysia mempunyai peratusan tertinggi ahli lembaga wanita di ASEAN. Di Selangor, peratusan wanita di peringkat korporat telah meningkat secara berterusan sejak sedekad yang lalu. Peratusan wanita telah meningkat ke 32% bagi tenaga korporat di Selangor.

YB Banting yang diwakili oleh Sahilah Ain Sathakathulla menyentuh inisiatif program *shadowing* yang dapat melatih pelatih untuk menjadi lebih berkaliber dan berpengalaman serta mendapat amalan kehidupan sebenar. Perdana Fellows, *Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI)* menghantar remaja perempuan ke luar negara seperti di Amerika Syarikat, Sweden dan Norway yang kesaksamaan gender adalah pada tahap yang tinggi. Program-program ini boleh ditapis dan dilaksanakan pada peringkat negeri dan mampu memberi kesan dominan terhadap wanita-wanita dalam negara ini.



Sementara itu, YB Sungai Panjang memaklumkan inisiatif EXCO Wanita menjalankan program Gadis Inspirasi Selangor. Hal ini adalah untuk menarik wanita belia melalui program tersebut dan mempengaruhi wanita di Selangor untuk mempromosikan program-program bawah Kerajaan Negeri Selangor. Beliau menggesa agar Program Pementoran dapat diperluaskan dan diuar-uarkan lagi supaya Dewan dapat mencapai 30% kuota dalam pembuatan dasar dan bukan hanya ingin mencukupkan korum.

Disokong pula oleh YB Gombak Setia, iaitu Puan Beatrice Leong Mei Wei tentang pihak kerajaan akan membentangkan pelan pelaksanaan usul ini dengan menyatakan statistik World Health Organization (WHO), bahawa wanita menyumbang 70% tenaga pekerja di bidang kesihatan. Puan Siti Nor Hasyiyati binti Abd Rahman, mewakili DUN Sungai Tua melontarkan fakta tentang prinsip Dewan Undangan Negeri (DUN),

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ataupun Lembaga Pengarah Syarikat (LPS), yang sama iaitu peluang akademik dan kerjaya. Pengenalan kerusi tanpa kawasan Non-Constituency Seat (NCS) akan dibuat untuk memberi peluang kepada ramai wanita dilantik di peringkat Dewan Undangan Negeri. Penyelesaian kepada masalah *shadowing* pula akan diselesaikan daripada lapan jam akan dipertingkatkan kepada 1 penggal. Dengan pengalaman daripada institusi dan daripada sidang yang telah dilaksanakan, pengetahuan dan pengalaman yang ada pada hari ini dapat digunakan apabila NCS dilaksanakan. Komitmen harus dijalankan kepada peringkat parti politik masing-masing untuk m mengetengahkan lagi calon wanita di arus perdana.

YB Sungai Air Tawar mengimbas kembali tahun 1989 Dasar Wanita Negara yang lebih menekankan kepada memecahkan dominasi lelaki dalam bidang seperti elektrik dan kejuruteraan serta meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Isu kuota 30% wanita sebagai pembuat keputusan adalah isu baharu yang dibangkitkan pada tahun 2018 sewaktu Pakatan Harapan (PH) menjadi kerajaan persekutuan.

Namun, YB Bandar Utama memberi analogi perniagaan yang meminta pelabur untuk melabur wang terhadap cadangan yang mereka usahakan tetapi tidak diberitahu apakah yang akan dibuat dengan duit yang akan dilaburkan itu? Punca permasalahannya adalah pada peringkat parti politik, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) mempunyai 88% lelaki pada peringkat majlis tertinggi, Parti Islam Semalaysia (PAS) sebanyak 92% dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebanyak 76%. Apakah dalam usul ini mempunyai suatu anjakan paradigma mengenai permasalahan ini? Kerajaan telah melaksanakan Top-Up

Women-Only Additional Seats (TWOAS) di Pulau Pinang bagi lantikan untuk wanita dalam kalangan profesional untuk arena politik.

YB Sungai Panjang diwakili oleh Cik Hannah binti Zaihal Hazri mengulas fakta mengenai kelulusan kuota 30% yang dibuat oleh presiden Rwanda pada tahun 2003 yang jelas sekali membantu negara Rwanda berjaya mencapai peratusan yang diinginkan sehingga kini.

Sesi Penggulangan Perbahasan Usul 2

Sesi penggulangan bermula dengan kehadiran kesemua perwakilan SIWANIS 2023 bagi memberi maklum balas dan rumusan kepada setiap permasalahan yang dibawa semasa perbahasan. Puan Maryam binti Mohd Jamadi, mewakili EXCO Wanita dan ADN Ijok memulakan sesi dengan menyantuni semua perwakilan atas perkongsian isu dan cadangan semasa Usul 2 dibawa. Beliau meneruskan lagi sesi dengan kenyataan mengenai penglibatan wanita yang lebih tinggi di Parlimen untuk memastikan undang-undang dan dasar yang melibatkan gender dapat dilaksanakan di samping mendapat rangkuman proses membuat keputusan. Hal ini bukan sahaja untuk wanita memenuhi kuota, namun untuk memastikan Malaysia berada pada tahap kedudukan yang baik di peringkat global.

Beliau menjawab persoalan daripada blok pembangkang berkenaan Rang Undang-Undang antigangguan seksual, iaitu perancangan untuk membuat pusat perlindungan wanita supaya isu-isu wanita dapat diketengahkan. Di peringkat pelaksanaan, terdapat peruntukan sebanyak RM5 juta untuk program pembangunan dan

pemeriksaan kaum wanita bagi Belanjawan 2023 yang sudah dan sedang dijalankan melalui Pusat Wanita Berdaya Selangor, Akademi Kepimpinan Wanita dan Biasiswa Wanita Selangor. Beliau turut membalas persoalan YB Selat Kelang mengenai pementoran dengan usaha kerajaan akan menambah baik program tersebut. YB Ijok menutup sesi penggulungan dengan peringatan pilihan raya negeri Selangor yang akan dijalankan pada bulan Jun ini akan menampilkan lebih ramai calon wanita pada pilihan raya kali ini dengan harapan pihak pembangkang dapat meneliti mekanisme dan usaha oleh kerajaan supaya dapat bersama-sama meluluskan usul “**Minimum 30 Peratus Kuota Wanita di Semua Peringkat Pembuatan Keputusan**”.

Sesi Pengundian

Sekali lagi debaran terasa. Yang Dipertua Speaker Dewan meneruskan langkah menghadap Setiausaha Dewan bagi memilih sokongan atau penolakan terhadap usul kedua. Setiausaha Dewan mengumumkan keputusan bahawa daripada 47 yang hadir, 28 menyokong usul dan 19 tidak menyokong usul.

Dengan ini usul kedua ‘**Minimum 30 Peratus Kuota Wanita di Semua Peringkat Pembuatan Keputusan**’ diluluskan.



PENUTUP





“Women belong in all places where decisions are being made,” petikan oleh Ruth Bader Ginsburg yang merupakan wanita kedua yang pernah dilantik menjadi Hakim Mahkamah Agung di Amerika Syarikat.

Lebih ramai pemimpin wanita diperlukan untuk menambah suara, meraih sokongan dan sedar bahawa mereka juga bertanggungjawab untuk menggubal undang-undang serta dasar-dasar yang lebih mesra wanita dan keluarga. Impak penglibatan wanita dalam semua lapisan pembuat dasar dan penggubal undang-undang pasti akan memberi impak yang besar sama ada di peringkat komuniti, negeri mahupun di peringkat nasional.

Melalui sesi perbincangan dan juga siri bengkel latihan yang telah dilaksanakan dalam program SIWANIS ini, para perwakilan dilatih untuk berfikir kritis terhadap pelbagai isu semasa yang dibahaskan. Para perwakilan terlebih dahulu perlu memahami isu yang dibahaskan untuk berhujah dengan lebih bernas dan membangkang dengan bijak. Hal ini merupakan satu latihan yang baik dalam memahami tugas sebenar sebagai seorang Ahli Dewan Negeri (ADN).

Diharapkan perwakilan SIWANIS boleh menjadi pemimpin dan tercalon dalam pilihan raya negeri pada masa hadapan atau sekurang-kurangnya menjadi pemimpin di peringkat komuniti dan bukan lagi sekadar menjadi seorang ahli atau pengikut sahaja.

PROFIL PERWAKILAN SIWANIS



**NUR ATIKAH BINTI
HALIM BASHAH
N01 - SUNGAI AIR TAWAR**



**BIBI INTAN SURAYA
BINTI MURAT
N02 - SABAK**



**HANNAH BINTI
ZAIHAL HAZRI
N03 - SUNGAI PANJANG**



**SHARIFAH NUR ALIYAH BINTI
SYED MUHAMMAD AZMAN
N04 - SEKINCHAN**



**NURHASYA BINTI HASSHIM
N05 - HULU BERNAM**



**EZATUL MARINI BINTI
MOHD GHAZALI
N06 - KUALA KUBU BAHARU**



**KHOR CHIAT YING
N07 - BATANG KALI**



**MAZWIN BINTI
MOHD SOHOR
N08 - SUNGAI BURONG**



**SAIYIDAH IZZATI NUR
BINTI RAZAK MAIDEEN
N09 - PERMATANG**



MARYAM BINTI
MOHD JAMADI
N11 - IJOK



PATRICIA ANNE
A/P MOSES
N12 - JERAM



SABRINA BINTI
SHAHAROM
N13 - KUANG



ZALIA BINTI
MOHD RAWI
N14 - RAWANG



YAP YU XUAN
N15 - TAMAN TEMPLER



SITI NOR HASYYATI
BINTI ABD RAHMAN
N16 - SUNGAI TUA



BEATRICE LEONG
MEI WEI
N17 - GOMBAK SETIA



NUR ATIKA ANISA'
BINTI MOHAMMAD ALI
N18 - HULU KELANG



PUTLI NOOR ASIKIN
BINTI DATU GULAM
N19 - BUKIT ANTARABANGSA

PROFIL PERWAKILAN SIWANIS



GRACE DEVADOSS XAVIER
N20 - LEMBAH JAYA



DR NOR HANIZAH
BINTI ABDUL GAPAL
N21 - PANDAN INDAH



SITI HASLINDA
BINTI HASHIM
N22 - TERATAI



STELLA LEONG SIN YIN
N23 - DUSUN TUA



DATIN HJH IZZA
BINTI HJ ISMAIL
N24 - SEMENYIH



ATRIZA BINTI UMAR
N25 - KAJANG



NORMAWADDAH
BINTI RAMLI
N26 - SUNGAI RAMAL



NURDIYANA
BINTI ZULKIFLI
N27 - BALAKONG



NOORZAIMAH BINTI
ZAINAL ABIDIN
N28 - SERI KEMBANGAN



**NUR IDAYU BINTI
ABD RAHMAN
N29 - SERI SERDANG**



**MAS AMELIA
BINTI CHE ON
N30 - KINRARA**



**THEIVIYA A/P
LAKSHMIKANDAN
N31 - SUBANG JAYA**



**SITI NURSAKINAH BINTI
AHMAD SAIFUL NIZAM
N32 - SERI SETIA**



**LILITHA A/P
GOVINDASAMY
N33 - TAMAN MEDAN**



**RUZIANA BINTI
MOHAMED@ISMAIL
N34 - BUKIT GASING**



**SAMRAT BINTI ABDUL KARIM
N35 - KAMPUNG TUNKU**



**SARA DALINA BINTI
KHAIRIL ANUAR
N36 - BANDAR UTAMA**



**JULIANA BINTI ABU BAKAR
N37 - BUKIT LANJAN**

PROFIL PERWAKILAN SIWANIS



SHAREEN ZURINA
BINTI MD DZULKIFLI
N38 - PAYA JARAS



SITI NOORASMAH
BINTI HAMZAH
N39 - KOTA DAMANSARA



SALLY SARENA
BINTI A.SAMAD
N40 - KOTA ANGGERIK



ANIZA BINTI
MOHAMED NAWAWI
N41 - BATU TIGA



SAKINAH BIBI
NAGOOR
N42 - MERU



ARIFAH BINTI
AB WAHAB
N43 - SEMENTA



FARHANA BINTI
ABDULLAH
N44 - SELAT KELANG



KHURSIAH BINTI
AHMAD ZAINUDIN
N45 - BANDAR BARU KLANG



NITHIYA A/P THIAHHAN
N46 - PELABUHAN KLANG



HASNIDZA BINTI
AHMED REDZA
N47 - PANDAMARAN



NORA ANAK LEMA
N48 - SENTOSA



MASTURA BINTI
ABD MANAP
N49 - SUNGAI KANDIS



NIK HAMIHAH BINTI
NIK MUSTAFFA
N50 - KOTA KEMUNING



SANGLISHA A/P
KUNASEKARAN
N51 - SIJANGKANG



SAHILAH AIN
SATHAKATHULLA
N52 - BANTING



NIK NAZZUA HANNA
BINTI NIK MAT
N53 - MORIB



NOOR MAZLIZA
BINTI HASHIM
N54 - TANJUNG SEPAT



NORAZAH BINTI
NORDIN
N55 - DENGKIL




IMAN L'FEERA BINTI
SYAHRIL AZHAR
N56 - SUNGAI PELEK

STATISTIK PERWAKILAN SIWANIS 2023


KOMPOSISI KAUM

MELAYU	44	76.80%
CINA	4	7.10%
INDIA	5	10.70%
LAIN LAIN	3	5.40%
JUMLAH	56	



KOMPOSISI UMUR

20 - 29 TAHUN	11	19.60%
30 - 39 TAHUN	20	35.70%
40 - 49 TAHUN	20	35.70%
50 - 60 TAHUN	5	8.90%
JUMLAH	56	



KEDUDUKAN PERWAKILAN SIWANIS 2023

BANTING	MERU	BUKIT GASING	SERI SETIA	SUBANG JAYA	KAJANG	SEMENYIH	TERATAI	HULU KELANG	DENGKIL	HULU BERNAM	SUNGAI PANJANG
SIJANGKANG	SUNGAI TUA	GOMBAK SETIA	TAMAN MEDAN	SEKINCHAN	KOTA ANGGERIK	PANDAN INDAH	SENTOSA	SG. AIR TAWAR	SEMENTA	UJOK	PERMATANG
SERI SERDANG											
KUALA KUBU BHARU											
PANDAMARAN											
SUNGAI KANDIS											
PELABUHAN KLANG											
TANJUNG SEPAT											
BUKIT ANTARABANGSA											
KAMPUNG TUNKU	BANDAR BARU KLANG	BATANG KALI	KUANG	LEMBAH JAYA	BATU TIGA	BALAKONG	KOTA KEMUNING	SELAT KELANG	DUSUN TUA	SABAK	BANDAR UTAMA
SUNGAI PELEK	KINRARA	SUNGAI BURONG	MORIB	SERI KEMBANGAN	BUKIT LANJAN	SUNGAI RAMAL	JERAM	PAYA JARAS	KOTA DAMANSARA	TAMAN TEMPLER	RAWANG

SU DEWAN
RAPPOT EUR

SPEAKER

KERAJAAN
 PEMBANGKANG

JAWATANKUASA SIDANG WANITA NEGERI SELANGOR (SIWANIS) 2023 & SEKRETARIAT

PENAUNG



YB Dr. Siti Mariah Mahmud

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor

PENASIHAT



Puan Rozeeta binti Ramli

Pengarah Eksekutif Wanita Berdaya Selangor

PENGURUS PROGRAM



Puan Rusni binti Tajari

Pengurus Kanan Jabatan Strategi dan Pembangunan Dasar Wanita Berdaya Selangor

Sekretariat Wanita Berdaya Selangor

- Nurhidayah binti Abdullah
- Nur Hashikin binti Ramly
- Saccidananda Nair A/L Siva Sambu Nair
- Nurhidayah binti Jalaluddin
- Mohd Yazman bin Yuhana

Rakan Kerjasama Institut Kajian dan Pembangunan Dasar (IRDPA)

- Nur Athirah binti Mohamad
- Sharmanshah bin Shahren
- Aliah binti Shahrom
- Nureqha Aliafathini binti Rosli
- Muhamad Farhan bin Muhamad Rawi
- Mohamad Ubaid bin Mohsin
- Muhammad Amin Mubarak bin Mohd Junid

Rapporteur

- Dini Nurhani binti Zainuddin



 **MALAYSIA
MADANI** **#KitaSelangor**

 @wanitaberdayaselangor

Syarikat Milikan 
Menteri Besar Selangor Incorporated